

05/11/1999

Larangan dedah salah laku Anwar tanpa izin

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua ahli dan pemimpin Umno dilarang membuat sebarang pendedahan berkaitan salah laku Datuk Seri Anwar Ibrahim, kecuali selepas mendapat kebenaran presiden parti.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini yang turut membincangkan pendedahan bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid berhubung salah laku Anwar termasuk mewujudkan lebih 20 akaun induk bernilai RM3 bilion untuk mencapai cita-cita politiknya.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat kira-kira tiga jam itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebarang pendedahan yang hendak dibuat mesti dirujuk kepadanya selaku presiden, terlebih dahulu.

Beliau berkata larangan itu bertujuan memastikan setiap pendedahan mesti mempunyai bukti berbentuk dokumen supaya dapat dipertahankan jika ada pihak mengambil tindakan undang-undang.

"Umno akan tentukan ahli tidak membuat pendedahan sewenang-wenangnya tanpa bukti.

"Kalau ahli ada apa-apa, dia (harus) beritahu kepada saya dulu, saya akan semak dan kalau saya berpendapat bahawa ia perlu sokongan daripada dokumen, saya akan minta dia dapatkan dokumen itu.

"Kalau dia tak dapat (dokumen) kita tak boleh dedah kerana sukar untuk mempertahankan pendedahan yang memburukkan orang lain yang tidak ada bukti," katanya.

Ditanya sama ada larangan itu bercanggah dengan permintaan Badan Pencegah Rasuah (BPR) supaya penyelewengan dilaporkan kepada badan itu, Dr Mahathir berkata oleh kerana masalah itu membabitkan parti, lebih

(END)